


Jawab semua soalan objektif. Tandakan jawapan anda dalam ruang jawapan yang disediakan.

1. Rajah 1 menunjukkan lintasan suatu impuls selepas rangsangan dikesan.



Antara yang berikut, manakah mewakili X, Y, dan Z?

	X	Y	Z
A	Organ deria	Otak	Saraf motor
B	Organ deria	Saraf motor	Otak
C	Saraf motor	Saraf motor	Organ deria
D	Saraf motor	Organ deria	Otak

2. Seseorang tidak dapat mengesan bau dengan baik apabila dia menghidap selsema. Pernyataan manakah menerangkan pemerhatian ini?

- A Rongga hidung dihalang dengan mukus berlebihan
- B Reseptor bau telah dijangkiti dan menjadi tidak berfungsi
- C Bahan kimia tidak melarut kerana reseptor bau terlalu kering
- D Reseptor bau tidak dapat dirangsang kerana terlalu banyak mukus dihasilkan.


3. Rajah 2 menunjukkan getaran bunyi dari telinga ke otak.



Apakah fungsi X?


- A Menghantar impuls
- B Mengekalkan keseimbangan badan
- C Memperkuat dan menghantarkan getaran
- D Menukarkan getaran kepada impuls

4. Rajah 3 menunjukkan keratan rentas mata manusia.



Antara bahagian A, B, C, dan D, yang manakah menerima rangsangan cahaya dan menukarkan kepada impuls saraf?

5. Rajah 4 menunjukkan keratan rentas mata dengan sejenis kecacatan penglihatan.



Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan kecacatan penglihatan tersebut?

- A Bebola mata terlalu panjang
- B Bebola mata terlalu pendek
- C Saiz anak mata terlalu besar
- D Permukaan kornea tidak rata

6. Seseorang akan menjadi pekak disebabkan oleh kerosakan bahagian telinga yang berikut, **kecuali**

- A salur separuh bulat
- B jendela bujur
- C osikel
- D koklea